

15 DEC 1998

TENAGA-BAKUN/I

TENAGA NASIONAL AKAN PUTUSKAN MENGENAI PULIHKAN PROJEK BAKUN

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan membuat keputusan untuk mengarahkan Tenaga Nasional membuat cadangan-cadangan bagi memulihkan projek empangan hidro-elektrik Bakun kepada Tenaga Nasional Bhd.

"Kita telah melabur banyak wang di dalam projek itu. Adalah jelas kita tidak boleh biarkan semuanya hancur berkarat di situ," beliau memberitahu pemberita selepas menyampaikan Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Tahun ini.

Katanya kerajaan belum memutuskan sama ada Tenaga Nasional patut mengambil alih pembangunan projek empangan the Bakun itu.

"Apa yang kami putuskan ialah bagi Tenaga Nasional melihat keseluruhan keadaan dan kembali kepada kami dengan beberapa perakuan," katanya, sambil menambah bahawa tiada tarikh akhir ditetapkan bagi Tenaga Nasional menyiapkan kajian itu.

Pada Ogos lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa kos projek Bakun akan banyak dikurangkan kerana kerajaan telah membatalkan rancangan untuk mengedar kuasa elektrik dari Bakun ke Semenanjung Malauysia.

Ini akan mengurangkan sebanyak RM6 bilion daripada kos asal projek itu sebanyak RM13.6 bilion. -- BERNAMA

AD LPS OS